



Menjulangi Ilmu, Memacu Ekonomi – Naib Canselor



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah .

SERDANG, 19 Jan – Lembaran baru Universiti Putra Malaysia (UPM) dimulakan dengan perutusan Naib Canselor yang ingin memfokuskan peranan UPM secara komprehensif dan usaha menambah nilai yang lebih tinggi bukan sahaja dalam memupuk budaya inovasi dan produktiviti tetapi menzahirkan inovasi demi merangsang model ekonomi berpendapatan tinggi.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah melihat faktor yang relevan dalam konteks ekonomi berpendapatan tinggi adalah berdasarkan kekuatan UPM dalam menyediakan sumber manusia berprestasi tinggi, memperkasa inovasi pertanian menerusi penerokaan pertanian tropika baharu dan memperkukuh keupayaan graduan.

“Justeru, ilmu pengetahuan, pengurusan bakat warga universiti (*talent*) dan pengurusan sumber manusia yang cemerlang merupakan perkara utama kepada penjelmaan budaya berprestasi tinggi.



Naib Canselor menyampaikan perutusan beliau di hadapan kira-kira 2,000 warga UPM.

“Hal ini perlu disertai dengan usaha yang berterusan sehingga budaya ini menjadi rutin dalam kalangan warga universiti,” katanya di hadapan kira-kira 2,000 warga UPM.

Bagi menentukan kesinambungan legasi kecemerlangan, UPM harus memiliki elemen seperti *business driven*, *technology oriented*, *sustainable development* dan *environmental friendly* agar berupaya menyumbang kepada pembangunan model ekonomi berpendapatan tinggi secara efektif.

Datuk Nik Mustapha yakin bahawa dalam ‘*Menjulangi Ilmu, Memacu Ekonomi*’, kekuatan dan keistimewaan UPM dalam bidang pertanian harus dikekalkan dengan usaha

mewujudkan *Putra Science Park*.

"*Putra Science Park* merupakan satu konsep *knowledge community* yang akan mengintegrasikan pelbagai kemudahan, perkhidmatan, pengetahuan dan kepakaran untuk pemerolehan ilmu, meluaskan aktiviti pengkormesialan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan.

Selain itu, beliau berkata UPM akan membentuk kerjasama serantau yang strategik dengan institusi di kepulauan Borneo seperti Sabah, Brunei dan Kalimantan, Indonesia dalam usaha meningkatkan pengurusan alam sekitar yang berkesan di rantau itu.

Manakala dalam usaha membentuk *high performance society*, beliau berkata warga UPM dituntut agar mengamalkan budaya fikir untuk memastikan lonjakan perubahan positif demi menghasilkan sistem kerja dan budaya kerja berimpak tinggi terhadap produktiviti.

"Budaya ini dapat memupuk daya kreativiti kepada masyarakat untuk berperanan secara aktif, kreatif dan dinamik bagi mewujudkan daya saing yang lebih efektif selaras dengan cabaran global.

"Bagi membentuk masyarakat berprestasi tinggi, proses transformasi juga harus dilaksanakan secara holistik, iaitu gerakan perubahan masyarakat secara strategik yang memerlukan *disciplined people, disciplined thought* dan *disciplined action*," katanya.

Datuk Nik Mustapha turut menegaskan transformasi yang pasti akan menjurus kepada ekonomi berpendapatan tinggi amat berkait rapat dengan integriti akademik yang memberi kesan secara signifikan terhadap reputasi akademik.



Prof. Dr. Ir. Borhanudin Ali menerima Sijil MS ISO 9001:2008 daripada Datuk Naib Canselor (kiri sekali).

Beliau mencadangkan agar hasil penerbitan setiap penyelidik perlu dipastikan ketulenannya oleh satu jawatankuasa berkecuali untuk membendung risiko plagiat.

Beliau turut mencadangkan supaya Pejabat Pendaftar memainkan peranan dalam menyokong usaha UPM ke arah memelihara integriti akademik dengan membentuk metodologi kursus yang sesuai kepada para akademia sebagai panduan untuk mengelakkan plagiarisme tanpa disedari.

Datuk Nik Mustapha yang memandang serius aspek integriti akademik menyeru warga UPM mempertahankan integriti akademik agar keyakinan terhadap kualiti kecemerlangan akademik UPM terus utuh di peringkat negara dan antarabangsa.

Majlis yang berlangsung di Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM itu turut menyaksikan penyerahan sijil MS ISO 9001:2008 kepada Pejabat Naib Canselor dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).



Naib Canselor bersama Pengurus Besar Kanan Jabatan Sistem Pengurusan Sirim QAS International Sdn. Bhd, Parama Iswara (kiri sekali) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Abu Bakar Salleh (tengah) memerhatikan robot ciptaan pelajar Fakulti Kejuruteraan, UPM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia